

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

SOALAN NO. 248

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memperkasakan industri halal di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Alhi Yang Berhormat, saiz pasaran halal global pada masa kini dianggarkan bernilai USD 2.8 trillion dan dijangkakan bakal berkembang lebih pesat kepada USD 7.7 trillion menjelang tahun 2030. Pasaran halal domestik pula dianggarkan bernilai USD 60.7 billion dan dijangkakan akan mencecah USD 181.7 billion menjelang tahun 2030.
2. Kadar pertumbuhan yang positif ini merupakan hasil daripada peningkatan kecenderungan dan keyakinan para pengguna yang tidak lagi tertumpu kepada produk makanan dan minuman sahaja, malahan, turut meliputi barangan halal yang lain seperti produk farmaseutikal, kosmetik dan penjagaan diri, bahan ramuan, peralatan kesihatan dan lain-lain. Hal yang demikian telah menjadikan pasaran bagi industri halal kian berkembang pesat seterusnya menjadikannya sebagai satu segmen penting yang menyumbang kepada pembangunan industri halal negara.

3. Selaras dengan hala tuju Kajian Separuh Penggal RMK-11 melalui Tonggak ke 6: Mensejahterakan Ekonomi Rakyat beberapa langkah Pemerkasaan telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ke arah melestarikan rantaian ekosistem industri halal negara. Antara pendekatan-pendekatan tersebut adalah termasuk:

- i) Memperbanyakkan jalinan hubungan antarabangsa yang strategik menerusi kerjasama dua hala dengan negara-negara kuasa ekonomi dunia;
- ii) Merencanakan aktiviti promosi dan penjenamaan “Halal Malaysia” secara lebih strategik yang menekankan keterlihatan (*visibility*) dan daya saing para pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan berkaitan halal melalui platform-platform utama di peringkat antarabangsa;
- iii) Program peningkatan keupayaan syarikat-syarikat tempatan untuk bersaing dalam rantaian bekalan produk halal melalui *mentoring programme* dan *sourcing programme* yang dilaksanakan secara usahasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dan
- iv) Aktiviti promosi domestik juga turut diberikan penekanan dalam meningkatkan kesedaran pemain industri berhubung potensi dan cabaran dalam industri halal terutamanya mengenai akses pasaran dan perluasan pasaran baharu bagi perusahaan halal tempatan.
- v) Menjadi Pusat Rujukan Industri Halal yang menyediakan perkhidmatan perkongsian maklumat dan statistik perindustrian bagi memperkukuh peranan Malaysia sebagai model negara Islam yang menerajui industri halal global.

Sekian, terima kasih.